

**Utusan Malaysia Ogos 2017**

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	01 Ogos 2017	353 syor dikemuka - Madinah	Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1	3
2.	01 Ogos 2017	Bekas CEO FIC ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	5
3.	01 Ogos 2017	SPRM tubuh pasukan khas teliti laporan audit negara	Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad	6
4.	01 Ogos 2017	Bekas Pegawai Khas kepada bekas Pengerusi Felda direman lima hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	7
5.	03 Ogos 2017	Kontrak LRT3 lebih RM2b Prasarana dijangka muktamad kontrak menjelang hujung bulan ini	Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Bhd. (Prasarana), Datuk Seri Azmi Abdul Aziz	8
6.	03 Ogos 2017	Eksport peralatan perubatan diunjur meningkat 12 peratus		10
7.	03 Ogos 2017	Bauksit: SPRM tahan 10 individu	Terima rasuah lindungi kegiatan perlombongan haram di Pahang	11
8.	04 Ogos 2017	Rasuah: SPRM terus bertindak Beli hotel: Peguam, pembantu ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	13
9.	09 Ogos 2017	6 kakitangan PTG dilepas dengan jaminan, 3 disambung reman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	17
10.	11 Ogos 2017	SPRM gempur MPSP Siasatan kes operasi kilang haram di Sungai Lembu	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	18
11.	12 Ogos 2017	Invois palsu: Pengarah, pembantu teknikal PCSB disambung reman		20
12.	12 Ogos 2017	Rasuah: Lima direman bantu siasatan kes pembalakan haram	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	21
13.	14 Ogos 2017	Kawasan bauksit lengang selepas disita SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	22
14.	16 Ogos 2017	Isa Samad ditahan SPRM Bantu siasatan kes pembelian dua hotel mewah oleh FIC	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki	24
15.	19 Ogos 2017	Dua lagi aset FIC disiasat	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26
16.	18 Ogos 2017	2 pegawai HDC direman 7 hari untuk siasatan tuntutan tender tidak dilaksanakan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	27
17.	21 Ogos 2017	Isa Samad suspek, bukan saksi - SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	29

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
18.	22 Ogos 2017	BNM rugi lebih RM30b Ekoran aktiviti perdagangan mata wang	Bekas Pengurus Akaun BNM, Abdul Aziz Abdul Manaf	31
19.	25 Ogos 2017	Boon Poh beri keterangan kepada SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	33
20.	26 Ogos 2017	SPRM teliti aduan baharu terhadap MBI Selangor	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	34
21.	27 Ogos 2017	SPRM tubuh pasukan siasat isu Kampung Gatco	Ketua Pesuruhjaya, Datuk Dzulkifli Ahmad	36
22.	28 Ogos 2017	SPRM ingatkan Guan Eng Tindakan sivil atau jenayah termasuk terhadap Ramkarpal jika tidak mohon maaf	Ketua Pesuruhjaya SPM, Datuk Dzulkifli Ahmad	37
23.	29 Ogos 2017	Pegawai SPRM tiba di Wisma Negeri siasat isu tanah Gatco	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	39
24.	29 Ogos 2017	Shao Loong tiba di ibu pejabat SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	40
25.	30 Ogos 2017	Gatco: SPRM periksa, ambil dokumen lima lokasi	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	41
26.	30 Ogos 2017	Guan Eng terdesak mahu alih isu rasuah	Pengerusi Biro Keharmonian Agama MCA, Datuk Seri Ti Lian Ker	43

## 1. 353 syor dikemuka - Madinah



Madinah Mohamad menyampaikan Laporan Ketua Audit Negara kepada Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara, Datuk Seri Hasan Arifin di Parlimen, semalam.

KUALA LUMPUR 31 Julai - Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1, yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini, mengemukakan 353 syor bagi membantu Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan kerajaan negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad berkata, daripada jumlah itu, Jabatan Audit Negara mengemukakan dua syor terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2016, dengan 90 syor kepada aktiviti kementerian dan jabatan kerajaan persekutuan, 17 syor kepada syarikat kerajaan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan 244 syor terhadap pengurusan aktiviti dan kewangan kementerian, jabatan, agensi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri.

"Sebagaimana lazim, ketua jabatan berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan," katanya.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1, mengandungi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, aktiviti kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan, pengurusan syarikat kerajaan dan agensi kerajaan persekutuan serta pengurusan aktiviti dan kewangan kementerian, jabatan, agensi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri untuk tahun yang sama.

Ia dibentangkan di Parlimen hari ini selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Madinah berkata, Laporan Ketua Audit Negara kali ini antara lain mengandungi pengesahan penyata kewangan kerajaan persekutuan, prestasi hasil kutipan Kerajaan Persekutuan, pengauditan

pengurusan kewangan (indeks akauntabiliti) serta pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri.

Beliau berkata, hasil Kerajaan Persekutuan pada 2016 berjumlah RM212.421 bilion berbanding RM219.089 bilion pada 2015.

Kutipan hasil menunjukkan trend penurunan berikutnya kejatuhan harga minyak mentah dunia.

Mengenai penarafan tahap prestasi pengurusan kewangan, sebanyak 25 kementerian, 18 jabatan persekutuan, 38 badan berkanun persekutuan, 138 kementerian/jabatan negeri, 41 badan berkanun negeri, 41 pihak berkuasa tempatan dan enam Majlis Agama Islam telah diaudit.

Bagi pengauditan prestasi terhadap program/aktiviti/projek kerajaan, Madinah berkata, sebanyak 63 pengauditan prestasi dan 21 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan dilaksanakan di peringkat persekutuan dan negeri, merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan, hasil dan pengurusan syarikat. Selain itu, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan laporan maklum balas mengenai laporan itu yang memberikan ulasan serta tindakan terkini daripada ketua setiausaha kementerian dan ketua jabatan terhadap isu yang dilaporkan, kata beliau.

Menurut Madinah, sebanyak 187 daripada 307 kementerian, jabatan persekutuan dan badan berkanun persekutuan, kementerian/jabatan negeri, badan berkanun negeri, pihak berkuasa tempatan dan Majlis Agama Islam mendapat penarafan cemerlang (5 bintang).

"Sebanyak 25 kementerian memperoleh penarafan cemerlang berbanding 16 kementerian pada 2015," kata beliau.

Madinah berkata, kandungan laporan itu berserta sinopsisnya boleh dilayari di laman sesawang Jabatan Audit Negara.

Katanya, satu sesi bersama media mengenai Laporan Ketua Audit Negara akan diadakan Khamis (3 Ogos) di Auditorium Kompleks C, Putrajaya pada 12 tengah hari, yang akan dihadiri Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan ketua-ketua setiausaha kementerian.

**2. Bekas CEO FIC ditahan SPRM****Mohd Zaid Abdul Jalil**

PUTRAJAYA 31 Julai - Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Felda Investment Corporation (FIC), Mohd. Zaid Abdul Jalil ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini berhubung kes manipulasi harga pembelian hotel di Kuching, Sarawak.

Menurut sumber, Mohd. Zaid yang hadir ke Ibu pejabat SPM di sini pada pukul 9.30 pagi ditahan selepas dipercayai memberikan keterangan selama sembilan jam.

"Dia ditahan selepas memberi keterangan untuk membantu siasatan dan beliau akan direman esok," katanya.

Sebelum ini, sebanyak tiga individu termasuk dua pengarah syarikat yang dilantik menjadi ejen pembelian hotel berkenaan telah direman membabitkan kes sama pada minggu lalu.

Kertas siasatan berhubung pembelian hotel di Kuching dibuka susulan maklumat yang diterima oleh pasukan penyiasat SPM ketika menjalankan siasatan terhadap pembelian hotel di Kensington, London oleh FIC sebelum ini.

Maklumat awal yang diterima oleh pasukan penyiasat SPM menunjukkan pembelian hotel di London tersebut telah mengakibatkan kerugian ratusan juta ringgit kepada FIC.

Berikutan itu, SPM telah melakukan pemeriksaan di beberapa lokasi iaitu di Balai Felda, Kuala Lumpur dan dua lagi lokasi sekitar ibu negara serta tiga lokasi lain di Kuching.

01 Ogos 2017

### 3. SPRM tubuh pasukan khas teliti laporan audit negara



KETUA Pesuruhjaya SPRM bergambar bersama beberapa wakil agensi penguatkuasa selepas Majlis Pelancaran Sahabat Gerakan Revolusi Anti Rasuah (Gerah) SPRM di Hotel Ansa, Bukit Bintang di sini hari ini

KUALA LUMPUR 1 Ogos - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menubuhkan satu pasukan khas untuk meneliti sekiranya terdapat isu rasuah atau salah guna kuasa menerusi pendedahan laporan audit negara yang dikeluarkan semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata, pihaknya telah menerima laporan tersebut dan pegawainya akan meneliti secara terperinci.

"Kita telah mengenal pasti beberapa isu dan selepas meneliti laporan audit tersebut, kita akan ambil tindakan seterusnya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran Sahabat Gerakan Revolusi Anti Rasuah (Gerah) SPRM di Hotel Ansa, Bukit Bintang di sini hari ini

01 Ogos 2017

#### 4. Bekas Pegawai Khas kepada bekas Pengerusi Felda direman lima hari



**BEKAS** Pegawai Khas kepada bekas Pengerusi Felda dibawa ke Mahkamah Majistret di sini hari ini bagi mendapatkan perintah reman bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung pembelian hotel oleh Felda Investment Cooperation (FIC) di Kuching

PUTRAJAYA 1 Ogos - Bekas Pegawai Khas kepada bekas Pengerusi Felda direman selama lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung pembelian hotel oleh Felda Investment Cooperation (FIC) di Kuching, Sarawak.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Abd. Rahman di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Terdahulu suspek tiba di perkarangan mahkamah di sini kira-kira pukul 2.15 petang dengan berpakaian lokap SPRM berwarna oren sambil tangan bergari.

Sebelum itu, suspek yang berumur 51 tahun dibawa dari rumahnya di Kuala Lumpur ke Ibu Pejabat SPRM di sini pada pukul 12.30 pagi untuk diambil keterangan sebelum ditahan pada pukul 4 pagi hari ini.

03 Ogos 2017

## 5. Kontrak LRT3 lebih RM2b

Prasarana dijangka muktamad kontrak menjelang hujung bulan ini



Duta China ke Malaysia, Dr. Huang Huikang (empat dari kanan), Ismail Adam (tiga dari kiri), Azmi Abdul Aziz (dua dari kiri) dan Presiden CRRC, Fu Cheng Jun (dua dari kanan) bergambar selepas menandatangani penganugerahan kontrak pakej projek Transit Aliran Ringan 3 di Kuala Lumpur, semalam. *utusan/Hafiz Johari*

KUALA LUMPUR 2 Ogos - Tiga lagi kontrak utama bagi projek pembinaan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) bernilai antara RM2 bilion hingga RM2.5 bilion dijangka dimuktamadkan pada hujung bulan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Bhd. (Prasarana), Datuk Seri Azmi Abdul Aziz berkata, kontrak-kontrak tersebut merupakan pakej kerja utama dan hanya akan dianugerahkan kepada syarikat tempatan.

Beliau berkata, Prasarana kini dalam proses akhir meneliti dan memuktamadkan proses bidaan tender bagi pakej kerja berkenaan dan ia akan diumumkan kelak.

"Kita memang mengutamakan syarikat-syarikat tempatan dan Prasarana menyasarkan 50 peratus daripada kontrak LR3 diberikan kepada syarikat Malaysia," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian antara Prasarana dan CRRC Zhuzhou Locomotive Co. Ltd. (CRRC ZELC), Siemens Limited China (Siemens) dan Tegap Dinamik Sdn. Bhd. Consortium (Tegap Dinamik) di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Kumpulan Prasarana, Tan Sri Ismail Adam dan Pengerusi CRRC Corporation Ltd., Liu Hualong.

Prasarana hari ini menganugerahkan pakej kerja Kenderaan Aliran Ringan (LRV) bagi projek LRT3 bernilai RM1.56 bilion kepada konsortium yang dianggotai CRRC ZELC, Siemens Limited China Siemens dan Tegap Dinamik.

Azmi berkata, Prasarana akan memastikan syarikat luar negara yang menerima penganugerahan kontrak bagi projek-projeknya turut mempunyai penglibatan daripada syarikat tempatan.

"Pakej kerja LRV ini merupakan yang terbesar yang ditawarkan oleh projek LRT3. Sebanyak lima buah syarikat telah disenarai pendek bagi tender pada Mei tahun lalu dan hanya konsortium ini menghantar bidaannya apabila tender itu ditutup pada November 2016," katanya.

Konsortium tersebut bertanggungjawab bagi rekaan, pembuatan, pembekalan, penghantaran, pemasangan, ujian dan petaulahan 42 buah LRV enam gerabak bagi projek LRT3.

## 6. Eksport peralatan perubatan diunjur meningkat 12 peratus

KUALA LUMPUR 2 Ogos - Persatuan Industri Perubatan Malaysia (AMMI) menyasarkan eksport peralatan perubatan negara meningkat 12 peratus kepada RM17.74 bilion berbanding RM15.84 bilion pada tahun lalu.



Pengerusinya, J. Hitendra berkata, unjuran tersebut bersandarkan trend positif eksport sejak tahun 2012 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 13.5 peratus.

Menurut beliau, rantau Asia Pasifik merupakan eksport terbesar negara mewakili 51.5 peratus daripada jumlah keseluruhan diikuti Amerika Utara (27.1 peratus) dan Eropah (19.4 peratus).

"Lebih membanggakan apabila 63 peratus atau RM2.84 bilion bahan mentah yang digunakan untuk menghasilkan produk perubatan datangnya daripada sumber tempatan. Secara tidak langsung perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan menerima manfaat besar daripada perkembangan industri perubatan negara.

J. Hitendra

"Selain eksport, jumlah pelaburan peralatan perubatan di Malaysia turut meningkat dengan kadar pertumbuhan

tahunan 17.1 peratus sejak 2012. Ekosistem industri perubatan yang stabil dan kejayaan syarikat-syarikat perubatan terdahulu menjadi faktor utama syarikat asing datang melabur," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis pelancaran Laporan Unjuran Tahunan 2017 Industri Peralatan Perubatan AMMI di sini hari ini.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud memberitahu, antara Januari hingga Jun lalu sebanyak 16 projek dalam bidang peralatan perubatan telah diluluskan dengan nilai RM1.95 bilion.

**7. Bauksit: SPRM tahan 10 individu**

**Terima rasuah lindungi kegiatan perlombongan haram di Pahang**



2

SEBAHAGIAN daripada 18 buah lori membawa bauksit disita oleh SPRM di Kuantan, Pahang kelmarin.

KUALA LUMPUR 2 Ogos - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 10 individu termasuk seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) selepas disyaki menerima rasuah bagi melindungi kegiatan perlombongan bauksit secara haram di sekitar Pahang.

Pegawai kanan kastam berusia 56 tahun yang ditahan itu berpangkat Penolong Pengarah JKDM negeri manakala sembilan lagi merupakan kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang.

Kesemua kakitangan PTG yang berusia antara 29 hingga 59 tahun itu terdiri daripada tiga penolong pegawai tanah, empat pembantu awam dan dua pemandu jabatan tersebut.

Menurut sumber, pegawai kastam tersebut ditahan kira-kira pukul 12.15 tengah malam manakala sembilan kakitangan PTG ditahan pada pukul 3.30 petang ini.

"Kesemua mereka ditahan di pejabat SPRM negeri di Kuantan selepas hadir untuk memberi keterangan.

"Pihak SPRM telah mendapat perintah reman selama tujuh hari terhadap pegawai kastam terbabit dari Mahkamah Majistret Kuantan pagi ini manakala sembilan yang lain akan direman esok," katanya di sini.

Dalam pada itu, tambah sumber, beberapa dokumen berkaitan turut dirampas dari pejabat PTG Pahang, JKDM serta Pelabuhan Kuantan.

Jelas sumber, pihak SPRM turut menyita sebanyak 18 buah lori yang sedang mengangkut bauksit dari lombong-lombong haram di sekitar Bukit Goh dan Bukit Sagu tengah malam semalam.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahya ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan berkata, pihaknya telah memantau kegiatan tersebut sejak beberapa bulan yang lalu.

"Selepas mengumpul maklumat hasil risikan pegawai, kami telah melancarkan operasi sejak malam semalam," ujarnya.

**8. Rasuah: SPRM terus bertindak****KES 1****Beli hotel: Peguam, pembantu ditahan**

KUALA LUMPUR 3 Ogos - Dua lagi individu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini kerana dipercayai terlibat dengan pembelian sebuah hotel mewah di Kensington, London oleh Felda Investment Corporation.

Kedua-dua individu yang ditahan merupakan seorang peguam dan pembantu wanita berusia 44 dan 29 tahun itu ditahan kira-kira pukul 4 petang di Ibu pejabat SPRM Putrajaya.

Menurut sumber, kedua suspek disyaki terlibat menguruskan proses dokumentasi perjanjian jual beli di antara pemilik asal dan syarikat ketiga sebelum dijual kepada FIC.

Ujarnya, mereka merupakan individu yang berperanan dalam menyediakan dokumen dengan menerima bayaran mencecah belasan juta ringgit.

**Simi Abdul Ghani**

"Peguam ini pernah dipanggil SPRM sebelum ini untuk membantu siasatan namun beliau menafikan penglibatannya.

"Siasatan terperinci dijalankan mendapati keterangan suspek mencurigakan dan mendapati suspek adalah individu yang bertindak menyediakan segala urusan serta perjanjian syarikat terlibat," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Simi Abd Ghani ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu.

Ujar beliau, pihaknya juga tidak menolak kemungkinan akan ada lebih ramai lagi individu yang akan ditahan selepas ini.

"Kedua-dua suspek ini akan direman di mahkamah Putrajaya esok untuk membantu siasatan," jelasnya.

Semalam, satu pasukan penyiasat mengambil masa hampir tujuh jam hadir ke Menara Felda di sini bagi mengambil dokumen berkaitan kewangan pembelian hotel terbabit.

Perkara itu susulan penahan seorang bekas Pegawai Khas kepada Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad yang ditahan pada Selasa lalu.

Penahanan tersebut sekali gus menjadikan jumlah tangkapan meningkat kepada empat individu selepas tiga pengarah syarikat berusia 47 hingga 57 tahun ditahan bagi membantu siasatan kes sama yang kini dalam tahanan reman sehingga esok.



SEMBILAN kakitangan Pejabat Tanah dan Galian Pahang dibawa oleh anggota SPRM bagi mendapatkan perintah tahanan reman selama tujuh hari bagi kes perlombongan bauksit secara haram ke Kompleks Mahkamah Kuantan, semalam. - BERNAMA

## KES 2

### Bauksit: 9 kakitangan PTG direman

KUANTAN 3 Ogos - Sembilan kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri direman tujuh hari mulai hari ini bagi membantu siasatan setelah disyaki menerima rasuah bagi melindungi kegiatan perlombongan bauksit secara haram ke China melalui Pelabuhan Kuantan.

Kesemua suspek itu disiasat mengikut Seksyen 17(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Terdahulu, Mahkamah Majistret di sini membenarkan permohonan SPRM supaya kesemua suspek yang merupakan Penolong Penguat Kuasa PTG negeri dan berusia antara 29 hingga 59 tahun direman mengikut Seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah.

Perintah reman selama tujuh hari sehingga 9 Ogos ini dikeluarkan oleh Majistret Tengku Eliana Tuan Kamaruzaman. Pada prosiding tersebut, SPRM diwakili Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Fadhly Mohd. Zamry.


Kesemua suspek ditahan dalam serbuan SPRM antara pukul 3.30 petang hingga 3.45 petang semalam di beberapa lokasi di sekitar daerah ini kerana disyaki menerima rasuah daripada pelombong untuk melindungi kegiatan perlombongan bauksit secara haram.

Mereka ditahan kerana disyaki terlibat dalam aktiviti tersebut meskipun kerajaan mengenakan perintah moratorium sejak 15 Januari 2016 yang sepatutnya tamat pada 31 Disember ini.

Dalam operasi semalam, SPRM menyerbu pejabat PTG negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta Pelabuhan Kuantan bagi merampas beberapa dokumen berkaitan.

Selain itu, SPRM menahan sebanyak 18 buah lori yang sedang mengangkut bauksit dari lombong-lombong haram di sekitar Felda Bukit Goh dan Felda Bukit Sagu tengah malam semalam.

Seorang pegawai kanan JKDM berusia 56 tahun turut ditahan dan telah direman semalam sehingga 8 Ogos ini.



**Mohd. Shukri Abdul Rahman**

**KES 3**

**COO Rapid Penang didakwa terima rasuah**

PULAU PINANG 3 Ogos - Ketua Pegawai Operasi (COO) Rapid Penang, Mejar (B) Mohd. Shukri Abdul Rahman mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan menerima rasuah bernilai RM70,000 dua tahun lalu.

Mohd. Shukri, 54, didakwa melakukan kesalahan itu di Maybank Cawangan Times Square, Jalan Dato Keramat di sini pada 20 April 2015.

Mengikut pertuduhan, tertuduh selaku ejen syarikat Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) didakwa menerima suapan sebanyak RM70,000 daripada syarikat Jayonik MSC Sdn. Bhd. melalui akaun bank milik Nor Jamin Mustafa sebagai dorongan untuk mengeluarkan surat lantikan syarikat itu bagi beberapa projek bernilai RM8.4 juta.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya daripada SPPM, Ahmad Ghazali Muhamad Nadzri manakala tertuduh diwakili peguam, Datuk Shukri Mohamad.

Hakim Norsalha Hamid memberarkan tertuduh diikat jamin RM50,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan sebutan kes pada 16 Ogos ini. Mohd. Shukri dibebaskan selepas membayar wang jaminan itu.

Di mahkamah sama, seorang anggota polis, Sarjan V. Ambualergan, 57, mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah, tahun lalu.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa meminta rasuah RM2,000 daripada Khor Ah Pin pada pukul 4 petang, 30 April 2016 di Balai Polis Jalan Patani sebagai dorongan untuk membuang kes dadah melibatkan Khor Yeong Chin.

Tertuduh yang bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut turut didakwa menerima rasuah RM1,000 daripada Ah Pin bagi tujuan sama pada pukul 5 petang, 1 Jun tahun lalu di Kedai Makan Ah Theam, Jalan Perak, di sini .

Dia yang didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) dan Seksyen 17(a) Akta SPPM 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta tersebut, dibebaskan dengan jaminan RM8,000 berserta seorang penjamin sementara menunggu sebutan kes pada 24 September ini.

#### **9. 6 kakitangan PTG dilepas dengan jaminan, 3 disambung reman**

KUANTAN - Tiga daripada sembilan kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) minggu lalu, disambung reman enam hari sehingga 13 Ogos ini.

Perintah itu dikeluarkan Majistret Tengku Eliana Tuan Kamaruzaman terhadap suspek yang merupakan pegawai penguat kuasa berusia antara 30 hingga 40 tahun.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohamad Fadhly Mohd. Zamry memohon tempoh reman tersebut disambung bagi melengkapkan siasatan berhubung kegiatan perlombongan bauksit secara haram di sekitar daerah ini.

Menurut Mohamad Fadhly, enam suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM kerana memberi kerjasama yang baik sepanjang siasatan dijalankan.

Semua suspek ditahan dalam serbuan SPRM antara pukul 3.30 petang hingga 3.45 petang 2 Ogos lalu di beberapa lokasi sekitar daerah ini.

Mereka ditahan kerana disyaki terlibat dalam aktiviti perlombongan bauksit secara haram meskipun kerajaan mengenakan perintah moratorium sejak 15 Januari 2016, yang sepatutnya tamat pada 31 Disember ini.

**10. SPRM gempur MPSP****Siasatan kes operasi kilang haram di Sungai Lembu**

BUKIT MERTAJAM 10 Ogos - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menyerbu Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi mengambil dokumen berkaitan siasatan kes kilang memproses habuk kayu, di sini yang beroperasi secara haram sejak hampir 10 tahun lalu.

Sepasukan pegawai SPRM Putrajaya itu dilihat berada di pejabat Jabatan Pelesenan MPSP kira-kira tiga jam selepas mula memasuki premis berkenaan pada pukul 10.30 pagi dengan membawa bersama dokumen berkaitan.

Dokumen itu bagi membolehkan SPRM menjalankan siasatan terperinci bagi mengenal pasti sama ada wujud unsur rasuah dan salah guna kuasa dalam proses kelulusan kilang terbabit.

Selain di MPSP, operasi bersepadan yang turut melibatkan Jabatan Imigresen; Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Putrajaya itu turut menyerbu kilang itu di Sungai Lembu, Mengkuang di sini, serta pejabat operasi kilang itu di Bukit Mertajam.

Kilang terbabit yang memproses serbuk untuk produk penapis karbon itu beroperasi tanpa permit sah di atas tanah berstatus tanah pertanian.

**Advertisement**

Ia terletak di dalam ladang kelapa sawit kira-kira 500 meter dari jalan utama dan kira-kira dua kilometer dari perumahan penduduk di Kampung Sungai Lembu.

Dalam serbuan ke kilang itu, Jabatan Imigresen turut menahan sembilan pekerja asing warga Myanmar termasuk seorang wanita dengan empat daripadanya didapati melakukan kesalahan di bawah

Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/1963 manakala selebihnya melakukan kesalahan di bawah Seksyen 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963.

Dalam operasi sama, SPRM turut memanggil penyelia kilang terbabit yang berusia 70 tahun ke Pejabat SPRM Cawangan Seberang Perai untuk diambil keterangan.

LHDN turut merampas beberapa dokumen berkaitan kerana pemilik kilang itu disyaki tidak melaporkan penyata pendapatan mereka dengan betul kepada agensi terbabit.

Sementara itu, JAS juga mendapati kilang terbabit tidak mempunyai sistem kawalan pencemaran udara serta akan mengambil tindakan atas kesalahan mengikut Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling 2014.

Ini kerana asap hasil pembakaran habuk kayu itu dilepaskan ke udara sehingga menjaskan kesihatan penduduk berhampiran yang turut mendakwa ada dalam kalangan mereka menghidap penyakit kronik akibat menghidu asap.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Mohd. Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan mengenai operasi tersebut.

Utusan Malaysia semalam melaporkan mengenai kewujudan kilang-kilang haram di Bukit Mertajam yang dilihat bagi cendawan tumbuh selepas hujan sejak 10 tahun lalu.

Lebih menyedihkan, puluhan aduan telah dibuat kepada pihak berkuasa namun kilang-kilang tersebut yang dilihat mengakibatkan pencemaran alam sekitar tetap beroperasi hingga ke hari ini.

Kilang-kilang haram itu juga dikatakan bebas menjalankan aktiviti mereka kerana dipercayai dilindungi pihak tertentu yang disyaki terlibat dalam perbuatan rasuah dan salah guna kuasa.

12 September 2017

**11. Invois palsu: Pengarah, pembantu teknikal PCSB disambung reman**

2

Pengurus PCSB dan bapa mertua bekas eksekutif PCSB dibebaskan dengan jaminan di Putrajaya semalam.

PUTRAJAYA 11 Sept. - Tempoh reman pengarah sebuah syarikat kontraktor dan bekas pembantu teknikal Petronas Carigali Sdn. Bhd. (PCSB) dilanjutkan empat hari lagi bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan invois palsu sebanyak AS\$5.56 juta (RM23.65 juta).

Perintah tersebut dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini dan berkuat kuasa mulai esok sehingga 15 September ini selepas Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab. Rahman membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah.

Pada masa yang sama, pengurus PCSB dan bapa mentua bekas pegawai eksekutif PCSB dibebaskan dengan jaminan masing-masing sebanyak RM50,000 dan RM20,000 berserta seorang penjamin selepas SPRM berpuas hati dengan siasatan berhubung kes tersebut.

12 September 2017

**12. Rasuah: Lima direman bantu siasatan kes pembalakan haram**

LIMA individu termasuk seorang wanita dikenakan tahanan reman enam hari oleh Mahkamah Majistret Kuantan hari ini bagi membolehkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan kes rasuah melibatkan kegiatan pembalakan haram di Jerantut. -

KUANTAN 12 Sept. - Lima individu termasuk seorang wanita dikenakan tahanan reman oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini bagi membolehkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan kes rasuah melibatkan kegiatan pembalakan haram di Jerantut sejak 2015.

Majistret Tengku Eliana Tuan Kamaruzaman membenarkan permohonan reman selama enam hari bermula hari ini sehingga 17 September ini ke atas kelima-lima mereka.

Permohonan reman dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohd. Fadly Mohd. Zamri.

Kesemua suspek ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 17 (a) dan Seksyen 16 (a) (B) Akta SPRM 2009.

Mereka ditahan dalam operasi serentak yang dilancarkan di beberapa lokasi di negeri ini semalam.

14 Ogos 2017

## 13. Kawasan bauksit lengang selepas disita SPRM



NOTIS yang dipasang SPRM, melarang mana-mana pihak mengalih, mengangkut atau memindahkan bauksit di Felda Bukit Goh, Kuantan, Pahang.

KUANTAN 13 Ogos - Tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita keseluruhan kawasan pengumpulan bauksit di daerah ini terutama di Felda Bukit Goh sangat diharapkan penduduk sekitar bagi menghalang bahan mineral itu dibawa keluar.

Tinjauan hari ini mendapati terdapat pelekat khas notis penyitaan diletakkan di beberapa kawasan pengumpulan bauksit.

Dalam notis tersebut meminta semua stokpile dan bauksit yang disita tidak memberarkan mana-mana pihak mengalih, mengangkut atau memindahkan bahan tersebut tanpa kebenaran SPRM.

Tinjauan turut mendapati tiada sebarang kerja-kerja mengangkut bauksit dilakukan di kawasan sekitar malah suasana cukup lengang.

Sementara itu, Pengerusi Gerakan Rakyat Hentikan Pencemaran Bauksit (Geram), Ali Akbar Othman menyifatkan tindakan SPRM menyita stokpile itu adalah satu langkah tepat bagi mengatasi masalah aktiviti perlombongan bauksit yang berleluasa meskipun tempoh moratorium berjalan.

Menurutnya, tindakan berani agensi terbabit membuktikan kewujudan kegiatan korek dan angkut bauksit secara haram di kawasan perlombongan bahan mineral itu.

"Saya ucapkan tahniah kepada SPRM kerana telus dalam menjalankan siasatan terhadap isu ini dan ia bertepatan apa yang diperjuangkan Geram iaitu mahu membanteras aktiviti perlombongan bauksit haram.

"Kita harap perkara ini dilakukan secara telus dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) perlu memantau segala permit eksport khas (AP) yang dikeluarkan olehnya dengan mengehadkan jumlah ekspot," katanya.

Jelasnya, sekiranya AP dipantau, Geram percaya aktiviti eksport bahan mineral terbabit dapat dihadkan dan pengusaha bauksit akan lebih takut untuk melakukan aktiviti perlombongan secara haram.

Selain itu, Ali Akbar berkata, moratorium yang diperkenalkan oleh kerajaan dilihat berkesan dalam usaha mengesan dalang di sebalik aktiviti tersebut.

"Ini kerana kita dapat lihat adakah pengusaha dapat mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan atau sebaliknya," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut meminta kerajaan memperkemaskan SOP sekiranya mahu aktiviti perlombongan bauksit diteruskan.

Tambahnya, aktiviti secara haram ini berlaku disebabkan kerajaan negeri lambat bertindak, selain tiada pendedahan SOP diumumkan bagi membolehkan warga Kuantan menjadi mata dan telinga pihak kerajaan.

Bagaimanapun, pertubuhan tersebut mengharapkan tindakan bijak daripada kerajaan dalam mengatasi isu bauksit ini selepas SPRM dengan berani menjalankan siasatan terhadap aktiviti terbabit.

Dalam pada itu, seorang penduduk, Muhamad Zakaria, 45, berkata, dia menyokong seratus peratus tindakan SPRM menjalankan siasatan terhadap stokpile bauksit yang terdapat di kawasan Pelabuhan dan Bukit Goh.

Jelasnya, penduduk setempat hairan kerana aktiviti perlombongan tersebut masih dijalankan meskipun tempoh moratorium sedang berlangsung.

"Hanya penduduk di Felda di sini sahaja yang mengetahui apa yang berlaku dan sememangnya kami boleh mendiamkan diri.

"Tapi bila SPRM bertindak secara telus terbukti memang perlombongan haram berlaku. Kami harapkan pihak yang terlibat diheret kemuka pengadilan," katanya.

**14. Isa Samad ditahan SPRM**

**Bantu siasatan kes pembelian dua hotel mewah oleh FIC**



MOHD. ISA ABDUL SAMAD tiba di Ibu pejabat SPRM, semalam, bagi memberi keterangan berhubung dua buah hotel di Kensington, London dan Kuching, Sarawak oleh FIC.

PUTRAJAYA 15 Ogos - Kes pembelian dua hotel mewah oleh Felda Investment Corporation (FIC) yang didakwa wujud penyelewengan jutaan ringgit sampai kemuncaknya apabila Suruhanjaya Penegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad selepas hadir memberi keterangan di Ibu pejabat SPRM di sini hari ini.

Difahamkan, Mohd. Isa yang juga merupakan bekas Pengerusi Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) itu ditahan bagi membantu siasatan berhubung isu pembelian dua buah hotel di Kensington, London dan Kuching, Sarawak oleh FIC sekitar 2013 hingga 2015.

Menurut sumber, Mohd. Isa ditahan pada pukul 4.24 petang selepas hadir memberi keterangan di Ibu pejabat SPRM di sini.

Terdahulu, Mohd. Isa tiba di ibu pejabat suruhanjaya berkenaan kira-kira pukul 2.40 petang bersama-sama dua orang peguamnya namun hanya beliau seorang sahaja yang dilihat memasuki bangunan tersebut.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan Mohd. Isa akan direman di Mahkamah Majistret Putrajaya esok.

Beliau berkata, penahanan itu adalah tindakan susulan hasil daripada keterangan yang sudah dirakam oleh pasukan penyiasat berhubung pembelian dua hotel berkenaan sebelum ini.

"SPRM yakin mempunyai asas yang kukuh untuk membuat penahanan berkenaan supaya dapat membantu melengkapkan siasatan kes tersebut," katanya ketika dihubungi pemberita di sini hari ini.

Pada 22 Jun, Mohd. Isa telah dipanggil memberi keterangan berhubung kemelut yang melanda FGV bersama-sama isterinya, Puan Sri Bibi Sharliza Mohd. Khalid.

Sehingga kini sebanyak sembilan individu telah ditahan manakala lebih 30 saksi telah dipanggil berhubung isu pembelian kedua-dua hotel mewah tersebut.

Sebelum ini, FIC dilapor membelanjakan jutaan ringgit pada 2013 hingga 2015 bagi membeli dua buah hotel empat bintang namun pembayaran dipercayai dibuat melebihi harga pasaran.

### 15. Dua lagi aset FIC disiasat

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Selain pembelian dua hotel mewah oleh Felda Investment Corporation (FIC) di Keningston, London dan Kuching, Sarawak yang didakwa wujud penyelewengan jutaan ringgit, dua lagi aset milik FIC dipercayai berada dalam radar siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, antaranya ialah sebuah hotel di Port Dickson, Negeri Sembilan yang diambil alih FIC dengan nilai RM40 juta pada tahun 2014.

Jelas sumber, hotel bertaraf tiga bintang itu turut dipercayai dibeli dengan harga yang jauh lebih tinggi berbanding harga asal bagi mengaut keuntungan.

"SPRM juga sedang menyiasat mengenai pembelian sebuah apartmen mewah di London yang didakwa kononnya untuk disewakan kepada ekspatriat bagi menjana pendapatan.

"Bagaimanapun, rekod mendapati apartmen tersebut tidak pernah disewakan, sebaliknya dipercayai digunakan untuk kegunaan peribadi," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

#### Advertisement

Semalam, SPM merampas beberapa dokumen dalam serbuan di pejabat Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad di Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) di KL Sentral di sini.

Di samping itu, tiga kediaman bekas Pengerusi Felda itu dan anaknya turut digeledah kelmarin, selain merampas wang sebanyak RM100,000 di salah sebuah rumah berkenaan di Senawang, Negeri Sembilan.

Mohd. Isa direman selama lima hari bermula kelmarin sehingga Ahad ini selepas ditahan di Ibu pejabat SPRM, Putrajaya pada 15 Ogos lalu bagi membantu siasatan berhubung isu pembelian dua buah hotel di London dan Sarawak oleh FIC pada 2014 dan 2015.

18 Ogos 2017

**16. 2 pegawai HDC direman 7 hari untuk siasatan tuntutan tender tidak dilaksanakan**



PEGAWAI SPRM mengiringi dua Pegawai Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) Sarawak bagi membantu siasatan berkaitan dengan tender mengecat dan membaik pulih melalui nilai tawaran harga melebihi RM2 juta yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik di Miri di Mahkamah Majistret 2 di Kuching di sini, hari ini.

KUCHING 18 Ogos - Mahkamah Majistret di sini, membenarkan dua pegawai Perbadanan Perumahan (HDC) Sarawak direman selama tujuh hari bermula hari ini.

Hakim Zaitul Anuar membenarkan kedua-dua suspek direman bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

menyiasat mereka berhubung tender mengecat dan membaik pulih yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik di Miri pada April 2015.

Kedua-dua suspek yang memakai baju lokap tiba di mahkamah diiringi pegawai SPRM pada pukul 10.09 pagi.

Semalam, suspek merupakan seorang jurutera dan juruteknik kanan HDC berusia 39 dan 59 tahun telah ditahan bersama seorang pengurus berusia 49 tahun yang dilantik untuk melaksanakan projek tender berkenaan.

Mereka ditahan dalam operasi sekitar pukul 12 tengah hari hingga 1.20 petang.

Difahamkan, tender tersebut telah dibuka oleh HDC Sarawak pada 2015 bagi kerja-kerja mengelat dan membaik pulih 12 unit rumah flat 2 tingkat di Miri yang terbakar dan sebanyak 10 permohonan diterima dengan sebuah syarikat kemudiannya dilantik melalui nilai tawaran harga melebihi RM2 juta.

Walau bagaimanapun syarikat itu melantik sebuah lagi syarikat sub kontraktor milik individu lain bagi melaksanakan kerja-kerja mengelat dan membaiki kerosakan 47 blok bangunan.

Pada 2016, syarikat terbabit telah membuat tuntutan pembayaran berjumlah RM11,969 kepada HDC sedangkan kerja-kerja tersebut tidak dilaksanakan.

21 Ogos 2017

## 17. Isa Samad suspek, bukan saksi - SPRM



**MOHD. ISA SAMAD** dibawa oleh Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas direman lima hari hingga 20 Ogos ini berhubung kes pembelian hotel FIC di Mahkamah Putrajaya, 16 Ogos lalu.

PUTRAJAYA 21 Ogos - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menegaskan bahawa bekas pengurus Felda Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad, yang direman lima hari sejak Rabu lepas adalah suspek bagi kes pembelian hotel Felda Investment Corporation (FIC) di London di antara 2014 dan 2015.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Azam Baki sehubungan itu menafikan dakwaan peguam K. Kumaraendran yang menyatakan bahawa Mohd. Isa direman sebagai saksi.

"Sah Isa Samad adalah suspek. Jika anda ditahan, anda adalah suspek," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis Ikrar Bebas Rasuah Kementerian Luar di sini, hari ini.

Menurut Azam, SPRM sedang menyiapkan kertas siasatan kes pembelian hotel di Kuching, Sarawak dan di Kensington, London oleh FIC sebelum mengemukakannya kepada Timbalan Pendakwa Raya. Beliau bagaimanapun tidak boleh memberitahu bila siasatan itu akan siap.

"Bagi kami masa untuk menyiapkan siasatan pembelian dua hotel itu. Biarlah pegawai saya menjalankan siasatan itu dan buat masa sekarang, tidak ada apa-apa yang perlu didedahkan serta saya tidak boleh beritahu bila siasatan akan siap. Jadi, bersabar dan tunggu lah," katanya.

Bulan lepas, SPRM membuka kertas siasatan berhubung pembelian hotel di Kensington, London, pada 2014 oleh FIC, yang dipercayai dibeli pada kadar jauh lebih tinggi berbanding harga pasaran sehingga mendatangkan kerugian jutaan ringgit terhadap anak syarikat Felda itu.

Selepas itu, SPRM memulakan siasatan berhubung pembelian hotel di Kuching oleh FIC, juga dipercayai dibayar jauh lebih tinggi berbanding harga pasaran hingga menyebabkan anak syarikat Felda itu mengalami kerugian jutaan ringgit.

**18. BNM rugi lebih RM30b****Ekoran aktiviti perdagangan mata wang**

**Abdul Murad Khalid (kiri) bersama Abdul Aziz Abdul Manaf selepas prosiding kedua RCI urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara di Mahkamah Rayuan, Putrajaya, semalam**

PUTRAJAYA 21 Ogos - Suruhanjaya Siasatan Diraja Untuk Menyiasat Kes Kerugian Akibat Urus Niaga Mata Wang Asing oleh Bank Negara Malaysia (BNM) Sekitar Tahun 1990-an hari ini diberitahu, bank pusat itu mengalami kerugian sebanyak RM34.547 bilion ekoran aktiviti perdagangan mata wang.

Bekas Pengurus Akaun BNM, Abdul Aziz Abdul Manaf berkata, kerugian yang dicatatkan itu bermula 1988 sehingga 1994 seperti yang dinyatakan dalam laporan urus niaga mata wang asing bertajuk *Accounting Treatment of Losses Arising from Active Reserve Management* yang disediakannya.

Menurut saksi pertama prosiding itu, jumlah kerugian yang dicatatkan pada 1988 dan 1989 berjumlah RM3.031 bilion manakala jumlah keseluruhan bagi tahun 1991 hingga 1994 berjumlah RM31.516 bilion.

Ujarnya, beliau diarahkan oleh bekas Gabenor BNM, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz untuk mengumpul maklumat dan menyediakan laporan tersebut pada 2007 dan siap sepenuhnya pada 18 April 2007 sebelum diserahkan kepada Zeti pada April 2010.

Pesara tersebut berkata, beliau tidak mengingati kaedah atau dasar perakaunan yang diterima pakai oleh BNM berhubung urus niaga mata wang asing serta tidak pasti sama ada ketika itu terdapat sebarang polisi oleh bank pusat itu mengenai aktiviti berkenaan.

"Saya tidak mengetahui apakah tindakan susulan yang diambil berhubung kerugian tersebut," ujarnya ketika membaca pernyataan saksi pada pendengaran hari pertama prosiding tersebut yang bersidang di Mahkamah Rayuan 6, Istana Kehakiman hari ini.

Pernyataan saksi itu dikemukakan oleh pegawai pengendali dari Jabatan Peguam Negara, Datuk Suhaimi Ibrahim.

Suruhanjaya Siasatan Diraja itu turut mendengar keterangan saksi kedua, Datuk Ahmad Hizzad Baharuddin yang pernah berkhidmat di Jabatan Audit Dalaman BNM.

Dalam pernyataan saksi yang dibacakan di hadapan panel itu, katanya, beliau menerima arahan pihak atasannya pada April 1993 untuk menyediakan laporan bagi mencari punca kerugian yang dialami bank pusat itu sepanjang tempoh tersebut.

Menjawab soalan peguam pemerhati, Datuk Tan Hock Chuan bagi pihak BNM, saksi itu berkata, beliau tidak mengetahui bahawa BNM telah memperoleh nasihat perundangan daripada dua pihak sebelum memulakan urus niaga mata wang asing.

Hock Chuan memaklumkan, bank pusat itu memperoleh dua nasihat perundangan daripada sebuah firma guaman di ibu negara dan Queen Counsel (QC) dari United Kingdom sekitar Mac 1990.

Menurutnya, Seksyen 31(a) Akta Bank Negara Malaysia 1958 tidak memberarkan bank pusat menjalankan urus niaga mata wang asing.

Namun katanya, jika tujuan urus niaga itu adalah untuk menguatkan dan melindungi Ringgit Malaysia daripada jatuh, urus niaga mata wang asing yang dijalankan ketika itu tidak melanggar Seksyen 31(a).

25 Ogos 2017

**19. Boon Poh beri keterangan kepada SPRM**



**PHEE BOON POH**

PULAU PINANG 25 Ogos - Exco Kerajaan Negeri, Phee Boon Poh hari ini dipanggil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memberi keterangan berhubung kilang haram di Sungai Lembu, Penanti di sini.

Difahamkan, Boon Poh yang juga Pengurus Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat dan Alam Sekitar negeri serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) DAP Sungai Puyu hadir ke Pejabat SPRM negeri kira-kira pukul 9.45 pagi tadi.

Beliau yang hadir bersama peguamnya, Ramkarpal Singh masih di dalam pejabat berkenaan bagi memberi kenyataan sehingga sekarang.

Boon Poh baru-baru ini ditahan SPRM kerana mengemukakan surat permohonan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi menangguhkan tindakan penguatkuasaan ke atas kilang haram di Sungai Lembu sebelum dibebaskan mahkamah

26 Ogos 2017

**20. SPRM teliti aduan baharu terhadap MBI Selangor**

Datuk Dzulkifli Ahmad (kiri) bersama Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Jalaluddin Alias (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan keperluan asas kepada sebahagian penerima pada majlis Ziarah Kasih SPRM Siri 3 di padang SMK Triang Hilir, Simpang Durian, Jelebu di sini hari ini

JELEBU 26 Ogos - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan membuka semula kertas siasatan berhubung dakwaan salah laku membabitkan anak syarikat kerajaan negeri pakatan pembangkang Selangor, Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) sekiranya menemui maklumat baharu berkaitan isu itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata, tindakan itu sudah pasti akan dilakukan walaupun siasatan sebelum ini tidak menemui apa-apa isu yang meragukan.

"Saya akan rujuk kepada pegawai saya dulu kerana aduan mengenai baru saja dibuat semalam. Kita akan tengok aduan itu sama ada ia sama seperti sebelum ini atau sesuatu yang baharu."

"Kita akan tengok sama ada wujud isu baharu atau maklumat baharu, sama ada betul atau tidak kertas siasatan sebelum ini," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Program Ziarah Kasih Siri 3 Tahun 2017 di padang Sekolah Menengah Triang Hilir, Simpang Durian dekat sini hari ini.

Beliau diminta mengulas aduan yang dibuat oleh Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Petaling Jaya Utara semalam kepada SPRM berhubung dakwaan salah guna kuasa MBI.

Laporan itu dikemukakan ketua pergerakan itu, Mohamad Fakhzan Md. Noor berhubung tindakan MBI menubuhkan sebuah entiti pelaburan, Darul Ehsan Investment Group (DEIG) pada 2015 dengan modal berbayar RM2 yang didakwa meragukan.

Dzulkifli menarik perhatian berkaitan kes Felda yang dibuka semula walaupun siasatan sebelum itu tidak menemui asas kukuh untuk tindakan selanjutnya.

"Tetapi apabila saya lihat dan menerima maklumat baharu maka kertas siasatan telah dibuka semula," ujarnya.

**21. SPRM tubuh pasukan siasat isu Kampung Gatco**

DZULKIFLI AHMAD (tengah) berucap dalam majlis pertemuan dengan penduduk Kampung Gatco, Jempol hari ini.

JEMPOL 27 Ogos - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menubuhkan pasukan khas bagi menyiasat sebarang unsur rasuah dan salah guna kuasa dalam isu pertikaian pemilikan tanah di Kampung Serampang Indah (Gatco) di sini yang berlarutan sejak 40 tahun lalu.

Ketua Pesuruhjayanya, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata, pihaknya akan meneliti laporan yang dibuat oleh peneroka di kawasan berkenaan dan menjalankan siasatan secara terperinci.

"Saya sudah diberi taklimat awal mengenai isu ini dan kita akan melihat jika ada unsur-unsur rasuah dan salah guna kuasa.


"Bagaimanapun, siasatan akan mengambil sedikit masa kerana isu ini sudah lama, melibatkan banyak dokumen, pelbagai pihak dan beratus-ratus laporan polis telah dibuat peneroka," katanya dalam sidang akhbar selepas pertemuan dengan penduduk Kampung Gatco di sini hari ini.

Isu pertikaian pemilikan kawasan itu berlaku sejak 40 tahun lalu dan kembali tercetus selepas 28 penduduk ditahan polis kerana menghalang lori yang membawa kayu getah keluar dari kawasan tersebut pada Julai lalu.

Penduduk yang tidak berpuas hati telah membuat demonstrasi di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di Kuala Lumpur baru-baru ini dan mempersoalkan tindakan yang diambil pihak berkuasa itu terhadap penduduk.

**22. SPRM ingatkan Guan Eng**

Tindakan sivil atau jenayah termasuk terhadap Ramkarpal jika tidak mohon maaf



**Dzulkifli Ahmad**

KUALA LUMPUR 27 Ogos - Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng berhadapan tindakan sivil atau jenayah sekiranya tidak menarik balik kenyataan mengenai 'penahanan haram' oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dibuatnya bagi merujuk kepada penahanan Exco kerajaan DAP negeri itu, Phee Boon Poh.

Bakal menerima nasib sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh yang turut mengeluarkan kenyataan serupa dalam mempertahankan Setiausaha Agung DAP yang belum disahkan jawatan itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata, Guan Eng akan dikenakan tindakan undang-undang jika beliau tidak memohon maaf secara terbuka kepada pihaknya dalam tempoh yang ditetapkan.

Katanya, setakat ini, SPRM masih belum menerima sebarang permohonan maaf daripada Guan Eng.

"Sebagaimana saya kata sebelum ini, kita minta Guan Eng tarik balik kenyataan beliau dan memohon maaf secara terbuka dalam tempoh yang kita tetapkan.

"Jika tiada (permohonan maaf secara terbuka), baharu kita tengok apa tindakan yang patut diambil sama ada bersifat sivil atau jenayah," katanya kepada pemberita di Jelebu, Negeri Sembilan, hari ini.

Kelmarin, SPRM memberi tempoh 48 jam kepada Guan Eng untuk memohon maaf ekoran kenyataan yang dibuat itu kerana ia disifatkan serius dan berunsur fitnah.

Justeru, suruhanjaya itu menegaskan, tindakan undang-undang akan diambil sekiranya Guan Eng gagal berbuat demikian dalam tempoh ditetapkan.

Dalam pada itu, di **JEMPOL**, Dzulkifli mengingatkan Ramkarpal supaya berhati-hati dalam mengeluarkan kenyataan dan tidak menolak akan turut dikenakan tindakan undang-undang kerana kenyataannya kepada pihak media semalam berunsur fitnah.

Ramkarpal mendakwa, SPRM tidak diberikan nasihat apabila menggesa Guan Eng meminta maaf kepada SPRM dalam tempoh 48 jam atau berhadapan dengan tindakan undang-undang.

Sementara itu, di **PULAU PINANG**, Guan Eng menyatakan belum bersedia memberi sebarang maklum balas mengenai permohonan maaf meskipun tempoh 48 jam diberikan SPRM berakhir hari ini.

Dalam sidang akhbar di sini, Guan Eng menegaskan, beliau hanya mahu menjawab isu tambak laut yang dibangkitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam.

29 Ogos 2017

**23. Pegawai SPRM tiba di Wisma Negeri siasat isu tanah Gatco**



**PEGAWAI SPRM** memasuki bangunan pentadbiran kerajaan negeri bagi menjalankan siasatan berhubung isu pemilikan tanah Gatco di Seremban sebentar tadi

SEREMBAN 29 Ogos - Sebanyak empat pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tiba di Wisma Negeri di sini berkaitan siasatan terhadap isu pertikaian pemilikan tanah di Kampung Serampang Indah (Gatco) di Jempol.

Para pegawai tersebut tiba di pekarangan bangunan pentadbiran kerajaan negeri itu kira-kira pukul 10.45 pagi ini.

Mereka kemudian terus menuju ke pejabat Unit Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di tingkat empat bangunan itu.

29 Ogos 2017

#### **24. Shao Loong tiba di ibu pejabat SPRM**

PUTRAJAYA 29 Ogos-Pengarah Komunikasi Strategik Pejabat Menteri Besar Selangor, Yin Shao Loong tiba di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini pada pukul 9.30 pagi ini.

Beliau dipanggil bagi memberi keterangan berhubung kenyataanya sebelum ini mengenai serbuan SPRM di Universiti Selangor (Unisel) dan Pemerdaan Menteri Besar (MBI) pada 22 Ogos lalu.

Sebelum ini Shao Loong mengeluarkan kenyataan mengenai kekesalan kerajaan negeri Selangor dengan tindakan SPRM menyerbu Unisel serta MBI dan menyifatkan tindakan itu dirancang untuk menjelas imej kerajaan negeri.

Pada 22 Ogos lalu SPRM menyerbu pejabat MBI, Unisel dan Syarikat Jana Niaga Sdn. Bhd. (JNSB). Serbuan itu dipercayai berkait rapat dengan salah guna kuasa dalam isu pertikaian kontrak.

Terdahulu pada 8 Ogos lalu, Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kelana Jaya membuat laporan kepada SPRM Selangor berhubung tatacara penyelesaian kontrak berjumlah puluhan juta ringgit di antara Unisel dan JNSB yang didakwa meragukan.

**25. Gatco: SPRM periksa, ambil dokumen lima lokasi**

EMPAT anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia membawa dokumen berkaitan Gatco ketika serbuah di sebuah premis di Plaza Pengkalan, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 29 Ogos - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memeriksa lima lokasi melibatkan tiga di Lembah Klang manakala dua lagi di Seremban, Negeri Sembilan hari ini bagi menjalankan siasatan terhadap isu pertikaian pemilikan tanah di Kampung Serampang Indah (Gatco) di Jempol.

Tiga lokasi di Lembah Klang itu melibatkan syarikat Thamarai Holdings Sdn. Bhd., Kesatuan Pekerja Ladang Kebangsaan (NUPW) dan sebuah firma guaman di Plaza Pengkalan di sini.

Di SEREMBAN, SPRM memeriksa Unit Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di Wisma Negeri serta pejabat Perbadanan Kemajuan Negeri Negeri Sembilan (PKNNS).

Kesemua pegawai SPRM memasuki lokasi berkenaan pada pukul 10.30 hingga 10.45 pagi ini untuk memeriksa dokumen berkaitan sebelum dilihat keluar antara pukul 12.30 tengah hari hingga 5 petang.

Sumber memaklumkan, SPRM akan meneliti kesemua dokumen yang diambil dari lima lokasi berkenaan bagi menjalankan siasatan terperinci memandangkan kes ini merupakan kes lama.

"Malah SPRM juga akan mengenalpasti beberapa orang saksi untuk dipanggil bagi membantu siasatan," katanya di sini hari ini

Sementara itu, Pengarah Siasatan SPRM, Dato' Simi Abd. Ghani mengesahkan perkara itu namun enggan mengulas lanjut.

Ahad lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad mengumumkan suruhanjaya itu akan menubuhkan pasukan khas bagi menyiasat sebarang unsur rasuah dan salah guna kuasa dalam isu pertikaian pemilikan tanah di *Gatco* yang telah berlarutan sejak 40 tahun lalu.

Isu *Gatco* timbul selepas pemilik asal tanah seluas 2,000 hektar itu, Syarikat Gula Negeri Sembilan ditutup menyebabkan ladang tebu terbabit dilupuskan kepada PKNNS secara pajakan selama 99 tahun sebelum ia dipajakkan selama 66 tahun kepada syarikat Great Allioners Trading Corporation Bhd. (*Gatco*) pada 1977.

*Gatco* kemudian menjadikan kawasan tersebut sebagai tanah rancangan dan membawa masuk peserta yang ditawarkan tapak rumah dan tanah kebun seluas 4 hektar dengan bayaran antara RM4,000 dan RM7,000 seorang.

Namun, syarikat itu menghadapi masalah kewangan menyebabkan projek itu terbengkalai dan tanah tersebut telah dirampas sebelum ditawarkan dalam lelongan awam pada 2004 tetapi dibeli oleh Thamarai Holdings pada 2007.

Isu itu kembali panas selepas puluhan penduduk ditahan polis kerana menghalang lori yang membawa kayu getah keluar dari kawasan itu dalam dua insiden baru-baru ini.

**26. Guan Eng terdesak mahu alih isu rasuah**

KUALA LUMPUR 29 Ogos - Dakwaan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan 'penahanan haram' ke atas Exco kerajaan negeri itu menunjukkan beliau terdesak mahu mengalihkan perhatian daripada isu rasuah dihadapi beberapa pemimpin parti tersebut.



**Lim Guan Eng**

Pengerusi Biro Keharmonian Agama MCA, Datuk Seri Ti Lian Ker berkata, bagi memastikan SPM dapat terus melaksanakan peranannya dalam menangani gejala rasuah, sebarang salah laku sewajarnya perlu disiasat tanpa campur tangan mana-mana pihak.

"Justeru, apabila Guan Eng menggelar penahanan Phee Boon Poh sebagai penahanan haram adalah satu tindakan kebudak-budakan dan memalukan kerana beliau sebagai Ketua Menteri tidak seharusnya masuk campur dalam penyiasatan yang dijalankan oleh SPM.

"Beliau perlu berhenti berpura-pura menjadi mangsa dan menghina institusi SPM serta undang-undang negara apabila terdapat anggota partinya terlibat dalam kes rasuah. Beliau perlu meminta maaf terhadap SPM atas dakwaan dilakukan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Baru-baru ini, Guan Eng mendakwa tindakan SPM menahan Exco kerajaan negeri itu, Phee Boon Poh bagi membantu siasatan berhubung kes kilang haram memproses serbuk kayu di Kampung Sungai Lembu, Bukit Mertajam sebagai 'penahanan haram'.

Mengulas lanjut, Lian Ker menegaskan, Guan Eng sepatutnya sedar bahawa beliau tidak kebal apabila mengeluarkan kenyataan fitnah terhadap agensi kerajaan seperti SPM hanya kerana pihaknya tidak mendapat pembelaan diinginkan.

"Jika beliau yakin SPM telah melanggar undang-undang, beliau seharusnya mencabar SPM di mahkamah bukannya melalui media. Beliau sendiri sudah menang banyak saman di mahkamah, jadi apa yang perlu dirisaukan?

"Beliau perlu menghormati SPRM dan undang-undang negara, malah tidak sepatutnya menghalang SPRM daripada membuat siasatan sekiranya beliau sendiri serius dalam menangani gejala rasuh," katanya.